

19 APR 1998

PERDANA MENTERI RASMI GRAND PRIX MOTOSIKAL MALAYSIA '98

JOHOR BAHRU, 19 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Grand Prix Motosikal Malaysia '98 di Litar Johor, Pasir Gudang, 44km dari sini.

Beliau juga telah melepaskan perlumbaan bagi acara 125cc di litar sepanjang 3.86km itu.

Antara pelumba handalan bagi acara itu ialah Noboru Ueda dari Jepun, Roberto Locatelli (Itali), Mirko Giansanti (Itali) dan Youichi Ui (Jepun).

Bagaimanapun, acara kemuncak Grand Prix itu ialah perlumbaan 500cc yang akan menyaksikan juara dunia empat kali Michael Doohan dari Australia, pemenang pusingan pertama di Suzuka, Max Biaggi dari Itali, Carlos Checa (Sepanyol) dan Kyoji Nanba (Jepun) mempamerkan kehebatan masing-masing untuk merebut kejuaraan.

Doohan, Biaggi dan Checa akan menunggang motosikal Honda manakala Nanba motosikal Yamaha.

Grand Prix kali ini merupakan yang pertama diadakan di luar Shah Alam sejak 1991 dan juga perlumbaan GP Motosikal FIM kedua tahun ini selepas di Suzuka, Jepun pada 5 April lepas.

Malaysia ialah negara kedua di Asia selepas Jepun dipilih menganjurkan perlumbaan itu untuk benua Asia. -- BERNAMA

MKO ZB